NO. SOALAN : 212

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEEMPAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memastikan agar tempat-tempat bermasalah banjir apabila musim tengkujuh di Parlimen Tuaran seperti di Giling Laut, Pekan Tenghilan, Sungai Damit, Pogun Lawid dan Topokon tidak lagi berlaku.

NO. SOALAN : 212

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuaran, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menyedari akan masalah banjir yang di hadapi di beberapa kawasan Yang Berhormat.

2. Bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Giling dan jalanraya utama Tuaran ke Kota Kinabalu, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah memohon projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Giling, Tuaran dengan kos sebanyak RM36 juta dalam *Rolling Plan* 2 (RP2) RMKe-12. Projek ini dijangka akan dapat mengurangkan isu banjir di kawasan berkenaan dan memberi faedah seramai 10 ribu orang.

3. Bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan Pekan Tenghilan, Kg. Sungai Damit, Pogun Lawid dan Topokon, kajian sedang dijalankan iaitu Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Pekan Tuaran yang telah diluluskan dalam RMK-12 dengan kos kajian RM2.5 juta. Kajian ini dalam peringkat penyediaan terma rujukan atau *Term of Reference* (TOR) dan dijangka perolehan data ukur secara LiDAR akan dimulakan pada tahun 2022.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN : 213

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN	**:**	**BUKAN LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA]**

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pecahan jumlah premis judi berlesen mengikut setiap negeri di Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sistem judi berlesen atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 1990an, dasar semasa Kerajaan adalah untuk mengawal aktiviti perjudian berlesen di Malaysia melalui aktiviti perlesenan, penguatkuasaan dan kutipan hasil.

Oleh itu, Kementerian Kewangan komited untuk tidak mengeluarkan sebarang lesen baharu bagi aktiviti perjudian termasuklah perjudian atas talian dan hanya mengawalselia lesen sedia ada sahaja.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 214

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) berapa jumlah Penasihat dan bidang tugas penasihat kepada Perdana Menteri; dan

(b) status, jumlah gaji, elaun dan lain-lain kemudahan yang diberikan kepada penasihat-penasihat Perdana Menteri.

NO. SOALAN: 214

JAWAPAN:

DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Buat masa ini, hanya terdapat 3 orang Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri iaitu:

   i. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Undang-undang dan Hak Asasi Manusia);
   ii. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Agama); dan
   iii. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Kesihatan) – (masih dalam proses pelantikan).

2. Bidang tugas Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia) secara amnya adalah bertanggungjawab memberi cadangan serta menyelaras isu-isu perundangan bersama pakar-pakar perundangan termasuk mana-mana organisasi atau individu yang berkepentingan. Gaji bulanan bagi Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Undang-undang dan Hak Asasi Manusia) adalah sebanyak RM27,227.20.

3. Bidang tugas Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Agama) secara amnya adalah bertanggungjawab memberi cadangan serta menyelaras isu-isu berkaitan pengurusan hal ehwal Islam, pemerkasaan peundungan, pendidikan dan pentadbiran hal ehwal Islam. Gaji bulanan bagi Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Agama) adalah sebanyak RM21,500.00. Kedua-dua Penasihat Khas ini juga ditawarkan beberapa kemudahan lain seperti kemudahan telefon bimbit, kenderaan, pemandu dan pejabat.

4. Manakala bidang tugas dan gaji bagi Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Kesihatan) masih belum dimuktamadkan kerana masih di dalam proses perlantikan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 215

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA]

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) berapa ramai penerima vaksin yang telah memohon bantuan khas kewangan kesan mudharat vaksin COVID-19; dan

(b) berapa permohonan yang diluluskan serta jumlah pembayaran keseluruhan yang telah dibuat kepada pemohon yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Warganegara Malaysia yang menerima vaksin COVID-19 di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan mendapat kesan sampingan yang serius selepas menerima vaksin COVID-19 layak memohon Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 oleh Kerajaan. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 oleh Kerajaan adalah dibuat atas dasar prihatin Kerajaan dan bukan sebagai pampasan kepada penerima.

2. Sebagai makluman, Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 ini akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria yang perlu dipenuhi iaitu *Adverse Events Following Immunisation*

(AEFI) yang berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan daripada menerima vaksin mesti dikategorikan sebagai serius berdasarkan laporan penilaian oleh Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19 (JFK) dan laporan AEFI hendaklah dihantar kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) oleh anggota kesihatan yang merawat pesakit.

3. Amaun Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 yang telah ditetapkan adalah tidak melebihi RM50,000 jika berlaku kesan advers yang serius kepada penerima vaksin COVID-19 yang memerlukan rawatan berpanjangan di hospital dan tidak melebihi RM500,000 jika berlaku hilang upaya kekal atau kematian disebabkan vaksin COVID-19. Amaun bantuan sebenar kepada individu yang terkesan oleh AEFI akan ditentukan berdasarkan perakuan oleh Jawatankuasa Teknikal Perubatan (JTP) dan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19.

4. Hingga **25 November 2021**, sebanyak **sembilan puluh tiga (93)** permohonan bantuan khas kewangan kesan mudarat vaksin COVID-19 telah diterima oleh Kementerian Kesihatan.

5. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **lapan (8)** permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk, Kementerian Kesihatan dan dalam proses pembayaran oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melibatkan jumlah sebanyak **RM132,500**.

6. Sebanyak **tujuh puluh lapan (78)** permohonan masih dalam penilaian manakala **tujuh (7)** permohonan telah ditolak kerana tidak dikategorikan sebagai AEFI serius. Daripada tujuh puluh lapan (78) permohonan tersebut, lima puluh enam (56) permohonan dalam penilaian JFK manakala dua puluh dua (22) permohonan dalam penilaian JTP.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 216

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah data Kerajaan khususnya yang melibatkan data peribadi rakyat Malaysia yang bocor di Internet sepanjang 2018 - 2021 dan apakah langkah-langkah untuk menghalang berlakunya kebocoran data Kerajaan.

NO SOALAN : 216

JAWAPAN:

DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)

1. Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara (*National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4)), jumlah kes kebocoran data peribadi yang signifikan sepanjang 2018 sehingga 2021 adalah sebanyak 7 kes dengan anggaran sebanyak 21.3 juta rekod peribadi rakyat Malaysia telah dicuri dan dijual di pasaran gelap. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan dan mendapat liputan daripada media bermula daripada tahun 2018 sehingga sekarang.

2. Antara sebab berlakunya insiden kebocoran data peribadi adalah penglibatan orang dalam sebagai dalang, perlanggaran polisi keselamatan yang telah ditetapkan dan kelemahan dan kerentanan pada sistem yang menyebabkan sistem dimanipulasi untuk mendapatkan data daripada pangkalan data.

3. Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan keselamatan maklumat peribadi ini dilindungi adalah kerajaan telah menguatkuasakan Akta 709: Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 pada 2015 serta menubuhkan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dibawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang berperanan untuk memastikan pematuhan akta melalui peningkatan kesedaran/promosi, amalan-nasihat yang baik dan memberikan nasihat umum dan bimbingan serta menjalankan penguatkuasaan. Tanggungjawab utama Jabatan ini adalah mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh pengguna data serta menguatkuasakan Akta untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi.

4. Selain itu, daripada aspek keselamatan maklumat secara keseluruhan, Kerajaan juga telah menetapkan keperluan dan *baseline* keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi CNII melalui pelaksanaan Pensijilan MS ISO/IEC 27001 Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System* (ISMS)) untuk agensi-agensi CNII melalui keputusan Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010. Pensijilan ini menetapkan keperluan pematuhan melalui satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjamin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses, prosedur dan fungsi perkakasan serta perisian berkaitan.

SOALAN NO: 217

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR (POKOK SENA)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pecahan PATI yang memilih untuk program Rekalibrasi tenaga kerja dan Rekalibrasi pulang sejak ia dilaksanakan.

SOALAN NO: 217

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rekalibrasi Pulang dan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan dua komponen utama di bawah pelaksanaan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Kedua-dua program ini dilaksanakan bermula 16 November 2020 sehingga 31 Disember 2021 atau sehingga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi PATI selesai.

Bagi Program Rekalibrasi Pulang, PATI dibenarkan untuk pulang secara sukarela ke negara asal tanpa melalui proses pendakwaan dan hukuman. Manakala bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja, majikan dibenarkan mengambil PATI bekerja secara sah dengan syarat-syarat yang ketat.

Sehingga 14 Oktober 2021, jumlah PATI yang berdaftar dalam Program Rekalibrasi Pulang adalah seramai 144,397 orang. Manakala bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja, seramai 212,780 orang PATI telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia dalam tempoh yang sama.

SOALAN NO: 218

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH (PETALING JAYA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa orang banduan akhir bukan warganegara setakat Oktober 2021 dan kesalahan jenayah yang mereka telah disabitkan dan berapa lama mereka telah dipenjarakan sementara menunggu pelaksanaan hukuman gantung.

SOALAN NO: 218

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 12 Oktober 2021 menunjukkan bahawa terdapat seramai **526** orang banduan akhir bukan warganegara yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan telah dijatuhkan hukuman mati.

Daripada jumlah banduan akhir bukan warganegera tersebut, seramai **431** orang banduan daripadanya melakukan kesalahan di bawah Seksyan 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah). Di bawah Seksyen 302 Kanun Kesiksaan (membunuh) pula terdapat seramai **84** orang banduan yang telah disabitkan. Di bawah seksyen 121 KK pula, terdapat seramai **8** orang banduan, manakala seramai **2** orang banduan di bawah seksyen 3 Akta Culik 1961, dan **seorang** banduan di bawah Seksyen 3 Akta Senjata Api 1971.

Data Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan purata seseorang banduan yang menjalani hukuman mati dari tarikh mula jatuh hukum oleh Mahkamah Tinggi adalah berbeza-beza iaitu diantara minimum 1 tahun 9 bulan dan maksimum 12 tahun 10 bulan. Setelah semua proses perundangan tamat dan rayuan untuk meringankan hukuman telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan, maka selanjutnya pihak Mahkamah akan mengeluarkan arahan kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk melaksanakan hukuman tersebut terhadap banduan terlibat.

SOALAN NO: 219

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH (PETALING JAYA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes pendakwaan telah dilaksanakan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah pun dipinda dan wartakan pada Disember 2017 dan berapa orang kena tuduh yang telah pun dijatuh hukum berdasarkan Seksyen 39B (2)(a) Akta tersebut.

SOALAN NO: 219

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pindaan hukuman di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 telah berkuatkuasa mulai 15 Mac 2018. Berdasarkan pindaan tersebut, Hakim mempunyai budi bicara untuk membuat keputusan jika disabitkan boleh mengenakan hukuman sama ada gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan hukuman rotan tidak kurang daripada 15 sebatan jika disabitkan.

Berdasarkan semakan, kes-kes yang didaftarkan selepas pindaan Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 masih lagi di peringkat perbicaraan. Jumlah keseluruhan individu yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 bermula tahun 2018 sehingga September 2021 adalah seramai 71 individu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati dan 2 (dua) individu dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup.

SOALAN NO: 220

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH (PETALING JAYA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes kematian dan sebab-sebab kematian bagi orang-orang dalam tahanan imigresen, lokap polis, dan penjara bagi tahun 2020 dan 2021 mengikut umur, jantina, tempat tahanan, negara dan kumpulan etnik, dan sebab tahanan.

SOALAN NO: 220

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan sebanyak 110 kes kematian pada tahun 2020 dan 2021 iaitu sehingga 13 Oktober 2021 dengan pecahan 37 kes kematian pada tahun 2020 dan 73 kes kematian pada tahun 2021.

37 kes kematian di Depot Imigresen yang direkodkan pada tahun 2020 adalah melibatkan warganegara Indonesia iaitu seramai 16 orang, warganegara India dan Myanmar masing-masing 5 orang, warganegara Bangladesh dan Pakistan masing-masing 3 orang serta 5 orang dari lain-lain negara.

Pada tahun 2021, pecahan kewarganegaraan bagi kes kematian di Depot Imigresen adalah terdiri daripada warganegara Indonesia iaitu seramai 29 orang, warganegara Filipina dengan jumlah 23 orang, warganegara Myanmar seramai 9 orang dan 12 orang dari lain-lain negara.

Punca kematian tahanan di Depot Imigresen yang dikenalpasti oleh pihak hospital adalah disebabkan oleh penyakit *septic shock, tuberculosis* (TIBI), HIV, *severe pneumonia*, jangkitan paru-paru, komplikasi jantung, denggi, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ dan sebagainya.

Manakala, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia, sebanyak 22 kes kematian direkodkan pada kedua-dua tahun 2020 dan

2021 iaitu sehingga Oktober 2021 dengan pecahan 13 kes kematian bagi tahun 2020 dan 9 kes kematian pada tahun 2021.

Kesemua kes yang dilaporkan adalah terdiri daripada banduan/ tahanan lelaki sahaja. Manakala, bagi pecahan mengikut kewarganegaraan, seramai 20 orang adalah warga Malaysia yang terdiri daripada 17 Melayu dan 3 India. Manakala, 2 lagi adalah penghuni warganegara asing iaitu warganegara Filipina dan Nepal.

Sepanjang tempoh dua tahun ini, punca atau sebab kematian direkodkan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah disebabkan oleh gantung diri dan komplikasi paru-paru yang masing-masing merekodkan sebanyak 4 kes. Kematian disebabkan HIV/AIDS dan asma yang kronik pula masing-masing merekodkan sebanyak 3 kes, faktor serangan jantung dengan statistik 2 kes, manakala faktor disebabkan sakit tua, kanser otak, kanser mata, jangkitan COVID-19, sesak nafas dan *tuberculosis* (tibi) masing-masing merekodkan 1 kes.

Selain itu, jumlah kes kematian di lokap polis pada tahun 2020 dan 2021 adalah seramai 23 orang dengan pecahan 13 orang bagi tahun 2020 dan 10 orang bagi tahun 2021.

Kesemua kes kematian di lokap polis yang dilaporkan pada tahun 2020 adalah terdiri daripada banduan lelaki, manakala pada tahun 2021, 9 kes adalah terdiri daripada banduan lelaki dan seorang adalah banduan wanita.

SOALAN NO: 220

Pada tahun 2020, Polis Diraja Malaysia merekodkan 9 kes kematian di lokap polis yang berpunca daripada penyakit usus, hati, hepatitis, ulser, paru-paru dan kerongkong, 2 kes disebabkan oleh sakit jantung manakala faktor sakit asma dan gantung diri masing-masing merekodkan 1 kes. Pada tahun 2021 pula, 5 kes kematian di lokap polis yang dilaporkan adalah disebabkan oleh penyakit usus, hati, hepatitis, ulser, paru-paru dan kerongkong, 3 kes gantung diri dan 2 kes kematian lagi adalah berpunca daripada sakit jantung.

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia sering menitik beratkan isu kebajikan dan keselamatan tahanan imigresen, lokap polis dan penjara. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

(i) Jabatan Imigresen Malaysia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan;

(ii) menyediakan Fail Rekod Kesihatan untuk setiap tahanan;

(iii) memantau dan menyelaras urusan pembekalan, penyimpanan dan pemberian ubat-ubatan kepada tahanan;

(iv) memastikan peralatan kecemasan lengkap dan berkeadaan baik pada setiap masa;

(v) membuat pemeriksaan dan penyaringan penyakit ke atas tahanan baharu tiba;

(vi) melakukan pemeriksaan awal kesihatan terhadap semua tahanan termasuk kanak-kanak dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kesihatan mereka;

(vii) memeriksa, diagnosis dan merawat penyakit yang ringan, merujuk semua kes yang di luar kemampuan kepada Pegawai Perubatan atau hospital berhampiran untuk rawatan selanjutnya;

(viii) pemberian imunisasi kepada tahanan kanak–kanak di Depot Imigresen berpandukan jadual imunisasi untuk mencegah penyakit berjangkit;

(ix) mengadakan sesi libat urus dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan dan antarabangsa seperti *International Committee of the Red Cross (ICRC),* Suka Society dan MyCare bagi menambahbaik pengurusan kesihatan tahanan di Depot Imigresen; dan

(x) memantau sajian makanan yang disediakan untuk tahanan.

SOALAN NO: 221

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH (PETALING JAYA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kematian dan sebab-sebab kematian bagi kanak-kanak bawah 18 tahun dalam tahanan imigresen, lokap polis, dan penjara bagi tahun 2020 dan 2021, mengikut umur, jantina, tempat tahanan, negara dan kumpulan etnik, dan sebab tahanan.

SOALAN NO: 221

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan sebanyak 4 kes kematian yang melibatkan tahanan kanak-kanak berusia bawah 18 tahun pada kedua-dua tahun 2020 dan 2021 iaitu sehingga 13 Oktober 2021.

2 kematian kanak-kanak lelaki yang dilaporkan pada tahun 2020 adalah disebabkan oleh jangkitan kuman pada usus (*Extensive Necrotising Enterocolitis)* dan *Gram Negative Septicaemia.*

Manakala, 2 kematian kanak-kanak lelaki yang dilaporkan pada tahun 2021 adalah berpunca daripada permasalahan arteri (*Transposition of Great Arteries with Restrictive Patent Foramen Ovale Intact Ivs*) dan kegagalan fungsi organ hati (*Septicemia due to Gastrointestinal Disease with Underlying Liver Disease*).

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia pula, dimaklumkan bahawa tiada sebarang laporan yang melibatkan kematian tahanan / banduan bagi kanak-kanak berusia bawah 18 tahun sepanjang tahun 2020 sehingga 2021.